

Naib Canselor UMS terima Anugerah Buku Negara 2014

ug 13.12.2014 84



KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah diumumkan sebagai pemenang Anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Teknikal) pada Majlis Anugerah Buku Negara 2014, kelmarin.

Anugerah tersebut diterjemahkan melalui buku tulisan beliau yang bertajuk Principles in Water Analysis for Environmental Science yang diterbitkan Penerbit UMS.

Majlis penyampaian anugerah disampaikan mantan Perdana

HARUN (kanan) menerima anugerah daripada Tun Abdullah.

Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi pada majlis yang berlangsung di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Buku yang mempunyai ketebalan sebanyak 83 muka surat itu adalah berkisarkan tentang prinsip-prinsip pengukuran dan analisis makmal serta prosedur asas menjalankan pelbagai ujian yang memfokuskan beberapa parameter kualiti air.

Pada majlis itu, sebuah lagi buku UMS turut diumumkan sebagai pemenang anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Sains) melalui Buku bertajuk Atmosphere and Ocean: An Introduction to Marine Science.

Buku terbitan Penerbit UMS itu dihasilkan kumpulan pensyarah dan penyelidik Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS yang terdiri daripada iaitu Than H. Aung, Madihah Jafar Sidik, Dr. Ejria Saleh dan Muhammad Ali S. Hussein.

Majlis penganugerahan buku yang berlangsung sempena Expo Buku Malaysia 2014 dinilai Panel Penilai Profesional Anugerah Buku Negara yang dipengerusikan Ketua 1 Gabungan Penulis Nasional (Gapena), Profesor Datuk Wira Dr. Abdul Latif Abu Bakar.

BUKU Principles in Water Analysis for Environmental Science tulisan Harun.

